



# Rangkuman 2022 sehingga 2024

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## NEWSLETTER

### MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGERA

#### LATAR BELAKANG PENGUKUHAN SISTEM STATISTIK NEGARA (PSSN)

Memperkuhkan **Sistem Statistik Negara** sedia ada menerusi agenda nasional Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) merupakan langkah penting bagi negara siap siaga mendepani perubahan landskap ekonomi, sosial, alam sekitar dan teknologi global dan negara yang semakin pantas, kompleks serta dinamik. Perubahan ini memerlukan statistik berkualiti yang tepat dan bertepatan masa.

Sehubungan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 September 2020 telah menimbang dan bersetuju dengan pelaksanaan agenda Pengukuhan Sistem Statistik Negara yang diketuai oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bagi menjayakan aspirasi PSSN, sebanyak tujuh (7) agenda utama telah digariskan seperti berikut:


- Penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN);
- Pindaan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989);
- DOSM sebagai Agensi Pusat Perkhidmatan Statistik;
- Pelantikan *Chief Data Officer* (CDO) di Kementerian/ Jabatan/ Agensi (Persekutuan/ Negeri);
- Penubuhan Pusat Analitik Data Raya Negara/ *National Big Data Analytics Centre* (NBDAC);
- Penubuhan *Change Management Office* (CMO); dan
- Pembangunan kapasiti perkhidmatan statistik.

#### PENUBUHAN MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGERA (MSDN)

Tadbir urus Sistem Statistik Negara telah diperkasa dan diperkuhkan dengan penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN). Mesyuarat Tertinggi MSDN yang kini dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air merupakan Badan Penasihat Tertinggi dalam memberi panduan dan hala tuju bagi memantapkan tadbir urus Sistem Statistik Negara.

Seiring dengan aspirasi Mesyuarat Tertinggi MSDN, penubuhan Jawatankuasa Eksekutif (JKE) MSDN yang dipengerusikan oleh YB Menteri Ekonomi menjadi pemangkin utama dalam memperkasa kerjasama strategik antara kementerian dan agensi. Jawatankuasa ini bertindak sebagai platform bagi menyelaraskan usaha pelbagai pihak dalam merealisasikan agenda nasional yang berpandukan halatuju MSDN.

Jawatankuasa ini disokong dengan penubuhan empat (4) Kluster yang berperanan sebagai komponen penggerak aktiviti statistik dan tadbir urus data. Kluster JKE MSDN yang telah ditubuhkan adalah **Kluster Ekonomi & Infrastruktur**; **Kluster Sosial & Kependudukan**; **Kluster Keselamatan & Kesejahteraan**; dan **Kluster Teknologi & Alam Sekitar**.



# MESYUARAT TERTINGGI MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGARA



Mesyuarat Tertinggi MSDN Bilangan 1 Tahun 2022 telah dilaksanakan pada 27 Januari 2022 dipengerusi oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob



Mesyuarat Tertinggi MSDN Bilangan 1 Tahun 2023 telah dilaksanakan pada 17 Julai 2023 dipengerusi oleh Timbalan Perdana Menteri II dan Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof

# JAWATANKUASA EKSEKUTIF MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGARA



Mesyuarat JKE MSDN Bilangan 1 Tahun 2022 telah dilaksanakan pada 5 September 2022 dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali secara atas talian



Mesyuarat JKE MSDN Bilangan 1 Tahun 2023 telah dilaksanakan pada 18 Mei 2023 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Ekonomi, Dato' Seri Mohd Rafizi Ramli



Mesyuarat JKE MSDN Bilangan 1 Tahun 2024 telah dilaksanakan pada 13 Disember 2024 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Ekonomi, Dato' Seri Mohd Rafizi Ramli



## Kluster Ekonomi & Infrastruktur

- Terdiri daripada 9 Kementerian/ Agensi:**
- 1.Kementerian Ekonomi (Pengerusi)
  - 2.Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan
  - 3.Kementerian Kerja Raya
  - 4.Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi
  - 5.Kementerian Kewangan
  - 6.Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya
  - 7.Kementerian Pelaburan, Perdagangan & Industri
  - 8.Kementerian Perlindungan & Komoditi
  - 9.Bank Negara Malaysia

**Bilangan mesyuarat/ bengkel:**  
2022: 1 | 2023: 1 | 2024: 1

- Bilangan cadangan use case: 3**
- 1.Dapatan Banci Ekonomi 2023 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
  - 2.Status Penggubalan Rang Undang-undang Perkongsian Data - Jabatan Digital Negara
  - 3.Jurang Keperluan Data - Kementerian Ekonomi

**Terdiri daripada 8 Kementerian/ Agensi:**

- 1.Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (Pengerusi)
- 2.Kementerian Ekonomi
- 3.Kementerian Digital
- 4.Kementerian Pengangkutan
- 5.Kementerian Komunikasi
- 6.Kementerian Peralihan Tenaga & Transformasi Air
- 7.Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam
- 8.Agensi Pengurusan Bencana Malaysia

## Kluster Teknologi & Alam Sekitar

- Bilangan cadangan use case: 4**
- 1.Memperkasa Agenda Inovasi Negara Menerusi Aktiviti Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan bagi Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
  - 2.Pembangunan Pangkalan Data Bakat Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
  - 3.Aplikasi Teknologi Angkasa bagi Pemantauan Pengurusan Tanah Sistem Pemantauan Tanah Cameron Highlands (SPTCH), Agensi Angkasa Malaysia
  - 4.Pengaplikasian Sistem *Defence Geospatial Information Management* (DGIM) dalam Pengurusan Bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara



**Bilangan mesyuarat/ bengkel:**  
2022: - | 2023: 3 | 2024: 2

## Kluster Sosial & Kependudukan

- Terdiri daripada 8 Kementerian/ Agensi:**
- 1.Kementerian Pendidikan Malaysia (Pengerusi)
  - 2.Kementerian Pendidikan Tinggi
  - 3.Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
  - 4.Kementerian Ekonomi
  - 5.Kementerian Sumber Manusia
  - 6.Kementerian Belia & Sukan
  - 7.Kementerian Kesihatan Malaysia
  - 8.Jabatan Perkhidmatan Awam

- Bilangan cadangan use case: 5**
- 1.Pengumpulan dan Pembangunan Pangkalan Data Belia bukan dalam Pekerjaan, Pendidikan atau Latihan - Kementerian Belia dan Sukan
  - 2.Pengaplikasian Kecerdasan Buatan bagi Menangani Isu Keciciran Murid - Kementerian Pendidikan Malaysia
  - 3.Pendigitalan Pelaksanaan Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam - Jabatan Perkhidmatan Awam
  - 4.Program Intervensi Pemakanan Sepanjang Kitaran Hidup melalui Integrasi Maklumat Pemakanan Anak-anak Kebangsaan (IMPAK) dalam Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan - Kementerian Kesihatan Malaysia
  - 5.Pemantapan Portal e-MASCO bagi Membantu Pemadanan Pekerjaan dengan Latar Belakang Pendidikan dan Kemahiran - Kementerian Sumber Manusia



**Bilangan mesyuarat/ bengkel:**  
2022: 1 | 2023: 3 | 2024: 6

## Kluster Keselamatan & Kesejahteraan

- Terdiri daripada 8 Kementerian/ Agensi:**
- 1.Kementerian Pertahanan (Pengerusi)
  - 2.Kementerian Perpaduan Negara
  - 3.Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah
  - 4.Kementerian Dalam Negeri
  - 5.Kementerian Ekonomi
  - 6.Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan
  - 7.Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & KosSara Hidup
  - 8.Unit Penyelaras Pelaksanaan
  - 9.Jabatan Wilayah Persekutuan
  - 10.Majlis Keselamatan Negara
  - 11.Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

- Bilangan cadangan use case: 6**
- 1.Ketirisan Barang Kawalan Bersubsidi (Produk Petroleum) - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup;
  - 2.Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) - Kementerian Dalam Negeri;
  - 3.Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam (SSPIM) - Jabatan Kebajikan Islam Malaysia;
  - 4.Penutupan Tapak Sampah Haram - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
  - 5.Keselamatan Siber - Majlis Keselamatan Negara; dan
  - 6.Pelarian dan Permohonan Suaka yang Memegang Kad UNHCR - Kementerian Dalam Negeri.




**Bilangan mesyuarat/ bengkel:**  
2022: 2 | 2023: 3 | 2024: 1



Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDNgW) dan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) ditubuhkan di peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan bagi memperkejatkan tadbir urus sistem statistik negara di peringkat terkecil seperti daerah pentadbiran, Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). MSDNgW telah ditubuhkan di 13 negeri, manakala penubuhan MSDNgW bagi negeri Sarawak telah ditangguhkan berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Sarawak pada 27 Julai 2023. Negeri Selangor adalah negeri yang pertama melaksanakan Mesyuarat MSDNgW pada tahun 2022. Negeri Kedah, Melaka, Pahang dan Sabah telah menubuhkan MSDNgW, walau bagaimanapun masih belum melaksanakan Mesyuarat Pertama MSDNgW sehingga tahun 2024.

Jumlah Mesyuarat 2022 sehingga 2024

MSDNgW		MSDD	
2024	9	2024	10
2023	8	2023	25
2022	1		



## 2024 JAN 17 MESYUARAT KICK OFF MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGERI (MSDN) JOHOR

YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor telah mempengerusikan Mesyuarat *Kick Off* Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDN) Johor dan Majlis Statistik Data Daerah (MSDD) Johor. Hadir sama YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan Puan Mazreha Ya'akub, Pengarah DOSM Johor.

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia turut membentangkan penubuhan MSDN dan MSDD Negeri Johor serta pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) kepada semua ahli Mesyuarat MSDN Johor.

Turut diadakan satu (1) Majlis Penyampaian Watikah kepada ahli MSDN Johor dan Pengerusi MSDD Johor yang telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Johor sejeurus selepas mesyuarat diadakan.



## 2024 JAN 8 SESI LIBAT URUS MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNgW) KEDAH

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah telah mengadakan Sesi Pembentangan Pangkalan Data Utama (PADU), Majlis Statistik Data Negeri dan Daerah serta Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, YB Dato' Seri Haji Norizan Khazali bersama Pegawai-Pegawai Kanan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah.





2024  
MAC  
17

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDN) KELANTAN

Mesyuarat Majlis Statistik Dan Data Negeri (MSDN) Kelantan telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi MSDN Kelantan. Mesyuarat tersebut telah diadakan bertempat di Bilik Gerakan MABNA. DOSM Kelantan dan Unit Perancang Ekonomi Kelantan merupakan sekretariat bersama bagi MSDN dan MSDD Kelantan.

2023  
OGOS  
3

## SESI LIBAT URUS MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI/ WILAYAH (MSDNgW) MELAKA

Sesi Libat Urus Penubuhan MSDNgW peringkat negeri Melaka telah diadakan bersekali dengan sesi Kunjungan Hormat Encik Abang Saifulhadi Abang Haji Ibrahim, Pengarah DOSM Melaka kepada YBhg. Datuk Shamsul Ambia Abdul Aziz, Setiausaha Bahagian, Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka.



2023  
DIS  
8

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNg) NEGERI SEMBILAN

Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Negeri Sembilan telah dilaksanakan di Lexis Hibiscus, Port Dickson, Negeri Sembilan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun dan dihadiri Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Turut hadir bersama YB Dato' Mohd Zafir Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.



2024  
MEI  
27

## MESYUARAT KEDUA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNg) NEGERI SEMBILAN

Mesyuarat Kedua Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Negeri Sembilan telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Dato' Klana Petra, Majlis Bandaraya Seremban, Negeri Sembilan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun dan dihadiri Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta Pegawai Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan.



2022  
SEPT  
13

## SESI LIBAT URUS MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNgW) PAHANG

Sesi Libat Urus MSDNgW dan MSDD bagi negeri Pahang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Diraja Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang merangkap Pengerusi Mesyuarat dan Ahli Exco Kerajaan Negeri.



@StatsMalaysia



• 2023 •

JUN  
16

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNg) PULAU PINANG

Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Pulau Pinang telah diadakan di Bilik Gerakan, KOMTAR, Pulau Pinang. Susulan daripada Mesyuarat Jemaah Menteri mengenai penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN), Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyambut baik cadangan tersebut dan bersetuju untuk menubuhkan MSDNg di Pulau Pinang.

MSDNg Pulau Pinang ditubuhkan sebagai Majlis Tertinggi di peringkat negeri dalam merancang dan menentukan hala tuju bagi memperkukuh penyelarasan statistik negeri dan daerah, merangka dasar, strategi dan pelan tindakan yang jelas agar pengurusan sistem statistik rasmi negeri kekal dinamik dan relevan serta mengkomunikasikan kepentingan data dan statistik bagi memastikan keberkesanan penyampaian statistik rasmi.

MSDNg Pulau Pinang ini dipengerusikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan dianggotai oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Pegawai Kewangan Negeri, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pembangunan), Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pengurusan), Ketua Polis Negeri, Datuk Bandar MBPP, Datuk Bandar MBSP serta ketua-ketua jabatan yang terlibat.

Turut diadakan adalah penyampaian watakah pelantikan kepada semua Ahli MSDNg Pulau Pinang.



• 2023 •

NOV  
10

## MESYUARAT KEDUA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNg) PULAU PINANG

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Pulau Pinang telah dipengerusikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang di Bilik Gerakan, KOMTAR.

Terdapat dua (2) kertas pembentangan yang telah dibentangkan pada mesyuarat kali ini. Kertas pertama adalah Pelaksanaan PADU oleh YBrs. Encik Wan Mohd Shahrulnizam Wan Mohd Najuri, Pengarah Kanan Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi.

Pembentangan kertas kedua adalah Statistik Terkini Negeri Pulau Pinang oleh YBrs. Encik Khairulnizam Hassan, Pengarah DOSM Pulau Pinang. Penubuhan MSDNg Pulau Pinang adalah bertepatan masa sebagai anjakan bagi peningkatan keupayaan dalam membuat keputusan yang berkualiti serta menggalakkan inovasi ke arah sebuah dimensi baharu terhadap Sistem Statistik Negara.



• 2024 •

MEI  
24

## MESYUARAT KETIGA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNg) PULAU PINANG

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Pulau Pinang telah dipengerusikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang di Bilik Gerakan, KOMTAR.

Terdapat tiga (3) kertas pembentangan yang telah dibentangkan pada mesyuarat kali ini. Kertas pertama adalah Status Pengemaskinian Maklumat Penduduk dalam Pangkalan Data Utama (PADU) di Pulau Pinang oleh YBrs. Encik Khairulnizam Hassan, Pengarah DOSM Pulau Pinang.

Pembentangan kertas kedua adalah Pembangunan *Dashboard* Data Pulau Pinang - Kerjasama Dengan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) Pulau Pinang oleh dua (2) wakil BTMKN.

Pembentangan kertas ketiga adalah Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2024/2025 oleh YBrs. Encik Khairulnizam Hassan, Pengarah DOSM Pulau Pinang.



2024  
SEP  
27

## MESYUARAT KEEMPAT MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNg) PULAU PINANG



Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Pulau Pinang yang keempat telah diadakan di Bilik Gerakan, KOMTAR. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Terdapat tiga (3) kertas pembentangan untuk agenda mesyuarat pada kali ini. Antaranya ialah Status Pelaksanaan Banci Pertanian 2024, Data Sosio-Ekonomi Negeri Pulau Pinang dan *Economic Policy Planning: Building Data For Input-Output Tables At The Penang States Level*.

Kertas pembentangan Status Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dan Data Sosio-Ekonomi Negeri Pulau Pinang telah dibentangkan oleh Encik Khairulnizam Hassan, Pengarah DOSM Pulau Pinang manakala kertas pembentangan *Economic Policy Planning: Building Data For Input-Output Tables At The Penang States Level* telah disampaikan oleh Puan Ong Wooi Leng, Ketua Bahagian Sosioekonomi dan Statistik, Penang Institute.



2023  
JULAI  
24

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNg) PERAK

Mesyuarat pertama Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Perak Darul Ridzuan telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak, merangkap Pengerusi MSDNg Perak di Bilik Gerakan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Dalam konteks negeri Perak, ianya memiliki matlamat yang sama dalam salah satu agenda utama Perak Sejahtera 2030 iaitu Pembuatan Keputusan Berpacukan Data.



2023  
DIS  
22

## MESYUARAT KEDUA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNg) PERAK

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Perak yang kedua telah dipengerusikan oleh YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di Bilik Gerakan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

2023  
SEPT  
19

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI/ WILAYAH (MSDNgW) PERLIS

Mesyuarat pertama Majlis Statistik Data Negeri/Wilayah (MSDNgW) Perlis telah dipengerusikan oleh YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Menteri Besar Perlis di Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis.

Sebanyak satu (1) kertas makluman telah dibentangkan bagi menerangkan fungsi dan terma rujukan MSDNgW dalam merangka dan mengkoordinasi statistik serta data negara selaras dengan Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) oleh Pengarah DOSM Perlis, Encik Minson Majimbun. Ahli mesyuarat turut dibentangkan dua (2) kertas makluman yang menyentuh berkenaan Penemuan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2022; dan Prestasi Ekonomi Malaysia dan Negeri Perlis.



@StatsMalaysia



• 2024 •  
JAN  
22

## MESYUARAT KEDUA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI/ WILAYAH (MSDN<sub>g</sub>W) PERLIS

Mesyuarat Majlis Statistik Data Negeri/Wilayah (MSDN<sub>g</sub>W) Negeri Perlis telah dipengerusikan oleh YB Megat Hashirat Hassan, Exco Kerajaan Negeri Perlis di Dewan Persidangan, Pejabat Menteri Besar Perlis. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pengurusan), YBrs. Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta wakil-wakil jabatan.

Kertas pembentangan Pelaksanaan PADU di negeri Perlis telah dibentangkan oleh Encik Hamka Ismail, Pengarah DOSM Perlis.



• 2022 •  
SEP  
15

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI/ WILAYAH (MSDN<sub>g</sub>W) SELANGOR

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDN<sub>g</sub>W) Selangor telah dipengerusikan oleh YB Dato' Setia Haji Haris Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya dilaksanakan di Bilik Gerakan MTES, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.



• 2024 •  
APRIL  
29

## MESYUARAT KEDUA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI/ WILAYAH (MSDN<sub>g</sub>W) SELANGOR

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDN<sub>g</sub>W) Selangor yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah berjaya dilaksanakan di Bilik Gerakan MTES, Bangunan SSAAS, Shah Alam, Selangor.

Kertas pembentangan mengenai Pelaksanaan PADU, Persediaan ke Arah Banci Pertanian 2024 dan Pelaksanaan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah & Kemudahan Asas 2024/2025 telah dibentangkan oleh Puan Hartini binti Yaacob, Pengarah DOSM Selangor.



• 2024 •  
DIS  
13

## MESYUARAT KETIGA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI/ WILAYAH (MSDN<sub>g</sub>W) SELANGOR

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDN<sub>g</sub>W) Selangor telah dipengerusikan oleh YB Dato' Setia Haji Haris Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Pembentangan kali ini memfokuskan pembentangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Daerah, Kalkulator Perbelanjaan Kos Sara Hidup Wajar (PAKW) dan Status Pelaksanaan Banci Pertanian 2024.





• 2023 •  
OKT  
10

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNg) TERENGGANU

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Terengganu telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu, merangkap Pengerusi MSDNg Terengganu. Mesyuarat ini telah diadakan di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Darul Iman. DOSM Terengganu dan Unit Perancang Ekonomi Terengganu merupakan sekretariat bersama bagi MSDNg dan MSDD Terengganu.

Penubuhan MSDNg ini merupakan satu agenda utama dalam PSSN yang bertujuan memperkukuhkan sistem statistik sedia ada dengan penyelarasan yang lebih berkesan dalam membekalkan data bagi merangka dasar dan pembangunan negara.



• 2023 •  
JUN  
15

## SESI LIBAT URUS MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI (MSDNg) SABAH

Sesi Libat Urus Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Sabah kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong telah dipengerusikan oleh Encik Muhammad Amri Idris, Pengarah DOSM Sabah di Bilik Mesyuarat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Sabah.

• 2023 •  
APRIL  
3

## SESI LIBAT URUS MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGERI (MSDNgW) SARAWAK

Sesi Libat Urus mengenai cadangan penubuhan MSDNgW dan MSDD Negeri Sarawak kepada Kerajaan Sarawak telah diadakan di Wisma Bapa Malaysia. Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Uzir Mahidin telah membentangkan cadangan penubuhan MSDNgW dan MSDD Negeri Sarawak kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Muhammad Abdullah Haji Zaidel, Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Perancangan Ekonomi dan Pembangunan).



• 2023 •  
JUN  
13

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI/ WILAYAH PESEKUTUAN (MSDNgWP)

Mesyuarat Pertama MSDNgWP telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida Jaafar di Bilik Mesyuarat Perdana, Jabatan Wilayah Persekutuan. Satu (1) pembentangan berkenaan PSSN telah disampaikan oleh Puan Siti Zakiah Muhamad Isa, Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Wilayah Persekutuan.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membentangkan kepada Jabatan Wilayah Persekutuan dan jabatan-jabatan berkenaan cadangan penubuhan MSDNgW di peringkat Wilayah Persekutuan yang merupakan antara agenda dalam PSSN.



• 2024 •  
NOV  
21

## MESYUARAT KEDUA MAJLIS STATISTIK DATA NEGERI/ WILAYAH PESEKUTUAN (MSDNgWP)

Mesyuarat MSDNgWP yang kedua telah diadakan di Bilik Mesyuarat Perdana, Jabatan Wilayah Persekutuan dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Indera Noridah Abdul Rahim. Mesyuarat ini diadakan sebagai platform utama bagi merancang, menentukan hala tuju serta mengukuhkan tadbir urus Sistem Statistik Negara.

Empat (4) kertas pembentangan telah disampaikan iaitu Laporan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN), Jawatankuasa Eksekutif MSDN (JKE MSDN), Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDNgW) dan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD), Pelaksanaan dan Statistik Awalan Banci Pertanian 2024, Sorotan Prestasi Ekonomi dan Sosial Wilayah Persekutuan serta Banci dan Survei Utama DOSM.



@StatsMalaysia



Sehingga kini, sebanyak 11 negeri daripada 14 negeri, iaitu Perak, Selangor, Terengganu, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan, Johor, Kelantan, Kedah, Melaka, Pahang, dan Sabah telah menubuhkan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD). Walau bagaimanapun, Pulau Pinang dan Perlis telah memutuskan untuk tidak menubuhkan MSDD di negeri masing-masing. Daripada jumlah keseluruhan 114 MSDD yang ditubuhkan, sebanyak 33 MSDD telah berjaya mengadakan mesyuarat pertama mereka.

• 2023 •  
OKT  
**26**

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) JEMPOL, NEGERI SEMBILAN

DOSM Negeri Sembilan telah dijemput bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah Jempol (JTPD) bagi pelaksanaan Sesi Libat Urus Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD). Mesyuarat ini telah diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Jempol dan dipengerusikan oleh YBrs. Puan Nawal Mohamed Amin, Pegawai Daerah Jempol.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di Daerah Jempol, bersama ketua-ketua jabatan serta beberapa agensi terlibat di daerah Jempol. Pembentangan berkaitan pelaksanaan MSDD Jempol ini telah dibentangkan oleh Encik Mohd Sawal Shakimon, Pengarah DOSM Negeri Sembilan.

Tujuan pembentangan ini adalah bagi menerangkan fungsi penubuhan MSDD Negeri Sembilan selaras dengan keputusan Mesyuarat Tertinggi Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN).



• 2024 •  
JAN  
**23**

## MESYUARAT KEDUA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) JEMPOL, NEGERI SEMBILAN

DOSM Negeri Sembilan telah dijemput bagi menghadiri Mesyuarat Majlis Statistik Dan Data Daerah (MSDD) Jempol yang diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Jempol.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Nawal Mohamed Amin, Pegawai Daerah Jempol. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di Daerah Jempol, bersama ketua-ketua jabatan serta beberapa agensi terlibat di Jempol.

Encik Mohd Sawal Shakimon, Pengarah DOSM Negeri Sembilan telah membentangkan berkaitan Pelaksanaan PADU di Negeri Sembilan serta pemakluman perkara-perkara penting daripada Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNgW) Negeri Sembilan.



• 2023 •  
APR  
**12**

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) KINTA, PERAK

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Kinta telah diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Meor Hezbollah Meor Abd Malik, Pegawai Daerah Kinta. Mesyuarat ini merupakan platform bagi merangka strategi dan tadbir urus penyelarasan data di peringkat daerah.





• 2023 • **MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) KAMPAR, PERAK**

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Kampar telah diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Kampar, Perak Darul Ridzuan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Nazrul Fazami Mohamad, Pegawai Daerah Kampar dan dihadiri dari pelbagai agensi di peringkat daerah serta Penghulu.

Melalui mesyuarat ini, DOSM Perak telah menerangkan kepentingan MSDD yang telah dibentangkan oleh Encik Mohd Ridauddin Masud, Pengarah DOSM Perak. Mesyuarat ini juga merupakan platform bagi merangka strategi dan tadbir urus penyelarasan data di peringkat daerah.



• 2023 • **MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) MUALLIM, PERAK**

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Muallim telah diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Perak Darul Ridzuan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Mohamad Fitri Hassan, Pegawai Daerah Muallim. Mesyuarat ini dihadiri oleh YDP Majlis Daerah Tanjong Malim, Ketua Polis Daerah, Ketua Balai Bomba & Penyelamat Slim River, ketua-ketua jabatan dan agensi di daerah Muallim serta Penghulu.

Dalam mesyuarat ini juga, DOSM Perak telah menerangkan kepentingan dan fungsi MSDD yang telah dibentangkan oleh Encik Hamka Ismail, Ketua Penolong Pengarah DOSM Perak. Mesyuarat ini juga merupakan platform bagi merangka strategi dan tadbir urus penyelarasan data di peringkat daerah.



• 2023 • **MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) BAGAN DATUK, PERAK**

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Bagan Datuk, Perak telah diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk, Perak Darul Ridzuan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Muhamad Ghopran Yeop Hamzah, Pegawai Daerah Bagan Datuk dan dihadiri oleh pelbagai agensi di peringkat daerah serta Penghulu.

Dalam mesyuarat ini, DOSM Perak telah menerangkan kepentingan MSDD yang telah dibentangkan oleh Encik Mohd Ridauddin Masud, Pengarah DOSM Perak. Mesyuarat ini juga merupakan platform bagi merangka strategi dan tadbir urus penyelarasan data di peringkat daerah.



• 2023 •

JAN  
16



## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) HULU LANGAT, SELANGOR

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Hulu Langat, Selangor buat pertama kalinya telah dilaksanakan di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Hulu Langat, YBrs. Dr. Ani Ahmad merangkap Pengerusi MSDD Daerah Hulu Langat. Pengarah DOSM Selangor, Puan Hartini Yaacob bersama Ketua Pejabat Operasi Kajang, Encik Mohd Shahrill Abdul Rashid telah memberikan penerangan mengenai kepentingan pelaksanaan MSDD ini kepada ahli mesyuarat yang hadir.

Ahli mesyuarat MSDD yang hadir pada kali ini terdiri daripada wakil Pejabat Polis Daerah, Jabatan Pendidikan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pegawai Tadbir Agama dan juga Penghulu Daerah ini. Agensi-agensi ini menyokong penuh terhadap pelaksanaan MSDD dan bersedia untuk bekerjasama dalam membantu DOSM menyediakan dan mengumpul data bagi tujuan pembangunan dan kemajuan daerah setempat.

YBrs. Dr. Ani Ahmad dan pasukan pejabat Daerah Hulu Langat menyambut baik inisiatif pengumpulan data peringkat daerah ini dan sudi memberikan kerjasama erat kepada pihak DOSM.



• 2023 •

JAN  
30



## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) KUALA SELANGOR, SELANGOR

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Kuala Selangor telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Kuala Selangor iaitu YBrs. Tuan Mohd Raiz Radzuan telah dihadiri oleh Ketua Jabatan dan wakil dari pelbagai agensi persekutuan dan negeri di peringkat daerah Kuala Selangor antaranya DOSM Selangor, Majlis Perbandaran Kuala Selangor, Ibu Pejabat Polis Daerah, Jabatan Kerja Raya Daerah, Jabatan Pertanian Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Pejabat Agama Islam Daerah dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah.



• 2023 •

FEB  
1



## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) KLANG, SELANGOR

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Klang telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Klang. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Klang iaitu YBrs. Tuan Shahman Jalaludin telah dihadiri oleh ketua jabatan dan wakil dari pelbagai agensi persekutuan dan negeri di peringkat daerah Klang. Antaranya DOSM Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Klang, Ketua Polis Daerah Shah Alam, Ketua Polis Daerah Klang Utara, Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Pegawai Pertanian Klang, Pegawai Kesihatan Klang, Pegawai Pendidikan Daerah, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan Pegawai Agama Islam Daerah.

Puan Hartini binti Yaacob, Pengarah DOSM Selangor bersama Puan K. Megala a/p Kumarran selaku *Chief Data Officer* (CDO) Penaja telah memberikan penerangan berkaitan pelaksanaan MSDD kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Turut hadir bersama adalah Puan Wan Roslida, Timbalan Pengarah DOSM Selangor, Encik Barshah Abu Bakar selaku Ketua Penolong Pengarah DOSM Selangor dan Puan Nurul Natasha Zaki Nazir, *Assistant Chief Data Officer* (ACDO) Penaja.

Di samping itu juga, MSSD Klang telah membuat pelantikan dan penyampaian watak kepada lapan (8) jabatan dan agensi iaitu Datuk Bandar/Yang Dipertua PBT, Pegawai DOSM Selangor, Ketua Polis Daerah, Pegawai Kesihatan Daerah, Pegawai Pendidikan Daerah, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Pegawai Pertanian Daerah dan Pegawai Tadbir Agama Daerah.



• 2023 •  
FEB  
8

## SESI KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) SEPANG, SELANGOR



Pengarah DOSM Selangor, Puan Hartini Yaacob telah melakukan kunjungan hormat ke atas Pegawai Daerah Sepang, YBrs. Tuan Khairi Azali Ibrahim di pejabatnya bersama pegawai-pegawai kanan DOSM Selangor.

Sesi pertemuan ini diadakan bagi mewujudkan jalinan kerjasama di antara DOSM Selangor dan PDT Sepang bagi membincangkan persediaan mesyuarat MSDD Daerah Sepang akan datang. Tuan Khairi Azali merupakan pengguna tegar platform MyCenDash DOSM. Platform ini memudahkan beliau membuat carian data penduduk negeri sehingga DUN.



• 2023 •  
FEB  
9

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) HULU SELANGOR, SELANGOR



Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Hulu Selangor telah dilaksanakan di Pejabat Penolong Pegawai Daerah, Unit Pembangunan Masyarakat, Bahagian Pembangunan, Encik Azizan Mat Hashim. Timbalan Pengarah DOSM Selangor, Puan Wan Roslida Othman bersama Ketua Penolong Pengarah, Encik Barshah Abu Bakar telah berkunjung dan mengadakan Sesi Pre-Council Mesyuarat MSDD Hulu Selangor.

Sesi pertemuan ini diadakan bagi mewujudkan jalinan kerjasama di antara DOSM Selangor dan Pejabat Daerah Tanah Hulu Selangor bagi membincangkan persediaan MSDD Hulu Selangor yang akan datang.

Turut hadir bersama ialah Encik Rosli Mahmood, Penolong Pengarah DOSM Selangor dan Encik Norman Mohamad Salleh.



• 2024 •  
DIS  
30

## MESYUARAT KEDUA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) HULU LANGAT, SELANGOR



Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Hulu Langat kali kedua telah dilaksanakan di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Hulu Langat, YBhg. Dato' Haji Mohd Jusni Hashim yang juga merangkap Pengerusi MSDD Daerah Hulu Langat.

Timbalan Pengarah DOSM Selangor, Puan Wan Roslida binti Othman bersama Ketua Pejabat Operasi Kajang, Puan Darmawati Lahibbu telah memberikan penerangan mengenai kepentingan pelaksanaan MSDD ini kepada ahli mesyuarat yang hadir.

Ahli mesyuarat MSDD yang hadir pada kali ini terdiri daripada wakil Pejabat Polis Daerah, Jabatan Pendidikan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pegawai Tadbir Agama dan juga Penghulu Daerah ini.





• 2023 •  
DIS  
**7** • **MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) DUNGUN, TERENGGANU**

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Dungun telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Jusman Ibrahim, Pegawai Daerah Dungun bertempat di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Dungun.

Pembentangan kertas taklimat berkaitan penubuhan MSDD dan pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) telah disampaikan oleh Puan Marlini Sahul Hamid, Pengarah DOSM Terengganu. Seramai 15 orang ahli jawatankuasa MSDD telah hadir dan turut menerima watakah pelantikan sebagai ahli MSDD.



• 2024 •  
JAN  
**7** • **MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Kuala Terengganu telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Azran Amin Mazlan, Pegawai Daerah Kuala Terengganu bertempat di Bilik Mesyuarat Kristal, Pejabat Daerah Kuala Terengganu. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat yang julung kali diadakan di peringkat daerah bagi negeri Terengganu tahun 2024.

Pembentangan kertas taklimat berkaitan penubuhan MSDD dan pelaksanaan PADU telah disampaikan oleh Puan Marlini Sahul Hamid, Pengarah DOSM Terengganu. Seramai 20 orang ahli jawatankuasa MSDD telah hadir dan turut menerima watakah pelantikan sebagai ahli MSDD.



• 2024 •  
JAN  
**21** • **MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) HULU TERENGGANU, TERENGGANU**

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Hulu Terengganu telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Lizan Che Mat, Pegawai Daerah Hulu Terengganu bertempat di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu.

Pembentangan kertas taklimat berkaitan penubuhan MSDD dan pelaksanaan PADU telah disampaikan oleh Puan Marlini Sahul Hamid, Pengarah DOSM Terengganu. Seramai 18 orang ahli jawatankuasa MSDD telah hadir dan turut menerima watakah pelantikan sebagai ahli MSDD.



• 2024 •  
MAC  
**24** • **MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) KUALA NERUS, TERENGGANU**

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Kuala Nerus telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Ahmad Azizi Zulkifli, Pegawai Daerah Kuala Nerus bertempat di Bilik Mesyuarat Akasia, Pejabat Daerah Kuala Nerus. Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh Puan Norhaizan Mohd Basri, Timbalan Pengarah DOSM Terengganu dan Puan Wan Umi Salihah Wan Kamaruddin, Penolong Pengarah selaku MyAD Kuala Nerus.

Pembentangan kertas taklimat berkaitan penubuhan MSDD dan pelaksanaan PADU telah disampaikan oleh Puan Marlini Sahul Hamid, Pengarah DOSM Terengganu. Seramai 17 orang ahli jawatankuasa MSDD telah hadir dan turut menerima watakah pelantikan sebagai ahli MSDD.





• 2024 •  
APRIL  
1

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) BESUT, TERENGGANU

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Besut telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Nazwawi Harun, Pegawai Daerah Besut bertempat di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Besut. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat yang ke-6 diadakan pada peringkat daerah selepas daerah Kuala Nerus.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Puan Marlini Sahul Hamid, Pengarah DOSM Terengganu bersama Puan Siti Aishah Salleh, Ketua Pejabat Operasi Besut. Pembentangan kertas taklimat berkaitan penubuhan MSDD telah disampaikan oleh Puan Norhaizan Mohd Basri, Timbalan Pengarah DOSM Terengganu. Seramai 18 orang ahli jawatankuasa MSDD telah hadir dan turut menerima watakah pelantikan sebagai ahli MSDD Besut.



• 2024 •  
MEI  
21

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) KEMAMAN, TERENGGANU

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Kemaman telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Ahmad Farhan Abdul Wahab, Pegawai Daerah Kemaman bertempat di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Kemaman.

Kertas pembentangan berkaitan penubuhan MSDD telah dibentangkan oleh Puan Marlini Sahul Hamid, Pengarah DOSM Terengganu. Seramai 21 orang ahli jawatankuasa MSDD telah hadir dan turut menerima watakah pelantikan sebagai ahli MSDD Kemaman.

• 2023 •  
NOV  
22

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Wilayah Persekutuan Labuan yang pertama telah diadakan di Wisma Perbadanan Labuan.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, YBrs. Tuan Haji Rithuan bin Haji Mohd Ismail telah dihadiri oleh Ketua Jabatan dan wakil dari pelbagai agensi di Wilayah Persekutuan Labuan.

Dua (2) kertas pembentangan dan pemakluman berkenaan pelaksanaan Banci Pertanian 2024 telah disampaikan oleh Puan Siti Zakiah Muhamad Isa, Pengarah DOSM Wilayah Persekutuan.

Kertas pertama adalah penerangan berkenaan Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) dan kertas kedua adalah berkenaan pelaksanaan PADU. Penerangan berkenaan pelaksanaan Banci Pertanian 2024 juga disampaikan pada mesyuarat kali ini.



@StatsMalaysia



• 2024 •  
NOV  
22

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Wilayah Persekutuan Putrajaya yang pertama pula telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tanjung, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membentangkan Laporan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) dan Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDNgW) dan tiga (3) kertas makluman iaitu Penubuhan Majlis Statistik dan Data Daerah bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pelaksanaan dan Statistik Awalan Banci Pertanian 2024 serta Banci dan Survei Utama DOSM dan Sorotan Prestasi Ekonomi dan Sosial Wilayah Persekutuan.



• 2024 •  
NOV  
28

## MESYUARAT KEDUA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Wilayah Persekutuan Labuan yang kedua telah diadakan di Dewan Persidangan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Labuan.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, YBrs. Tuan Mohd Sukuran Taib telah dihadiri oleh Ketua Jabatan dan wakil dari pelbagai agensi di Wilayah Persekutuan Labuan. Empat (4) pembentangan telah disampaikan oleh Puan Siti Zakiah Muhamad Isa, Pengarah DOSM Wilayah Persekutuan dan Cik Shaliza Mohd Hasli @ Bob, Ketua Pejabat Operasi DOSM Wilayah Persekutuan Labuan.

Tajuk pembentangan pertama ialah Laporan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN), Jawatankuasa Eksekutif MSDN (JKE MSDN), Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDNgW) dan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD). Tajuk pembentangan kedua ialah Pelaksanaan dan Statistik Awalan Banci Pertanian 2024. Ketiga, Sorotan Prestasi Ekonomi dan Sosial Wilayah Persekutuan dan yang terakhir Banci dan Survei Utama DOSM. Mesyuarat ini diadakan sebagai platform utama bagi merancang, menentukan hala tuju serta mengukuhkan tadbir urus Sistem Statistik Negara.



• 2024 •  
DIS  
3

## MESYUARAT PERTAMA MAJLIS STATISTIK DAN DATA DAERAH (MSDD) WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diadakan di Bilik Lembaga, Menara 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah Mohd Sharif telah dihadiri oleh Ketua Jabatan dan wakil dari pelbagai agensi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Empat (4) pembentangan telah disampaikan oleh Puan Siti Zakiah Muhamad Isa, Pengarah DOSM Wilayah Persekutuan dan Puan Rozita Misran, Timbalan Pengarah DOSM Wilayah Persekutuan. Pembentangan tersebut ialah Laporan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN), Jawatankuasa Eksekutif MSDN (JKE MSDN), Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDNgW) dan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD). Seterusnya, kertas pembentangan bertajuk Penubuhan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diikuti dengan Pelaksanaan dan Statistik Awalan Banci Pertanian 2024 serta Banci/Survei Utama DOSM. Akhir sekali, Sorotan Prestasi Ekonomi dan Sosial Wilayah Persekutuan. Mesyuarat ini diadakan sebagai platform utama bagi merancang, menentukan hala tuju serta mengukuhkan tadbir urus Sistem Statistik Negara.



@StatsMalaysia



20 Oktober

2016 - 2030